

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA UPACARA PERASMIAN FASA I & PELANCARAN FASA II
KOMPLEKS PERINDUSTRIAN DAN PENGILANGAN KERTAS LANGAT

TEMPAT: DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR

TARIKH: 12 NOV 1992

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Genting Sanyen Industrial Paper Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk merasmikan Fasa I dan pelancaran Fasa II Kompleks Perindustrian dan Pengilangan Kertas Langat pada hari ini.

2. Majlis ini sungguh bermakna kerana ia merupakan perasmian sebuah industri yang penting bagi negara iaitu industri kertas perindustrian bergred (industrial brown grade paper) dan pelancaran fasa kilang 'duplex board'. Dengan pertumbuhan industri pembuatan, kertas-kertas jenis ini diperlukan dengan banyaknya untuk pembungkusan.

3. Kompleks ini juga menunjukkan komitmen Kumpulan Genting, yang sebelum ini menumpukan operasinya kepada bidang-bidang 'resort' dan perhotelan di dalam dan luar negeri, untuk mempelbagaikan aktivitinya dengan lebih ketara lagi ke dalam bidang perkilangan. Penyertaannya di dalam sektor pengeluaran kertas mencerminkan prihatinnya kumpulan ini terhadap keperluan jangka panjang negara untuk bekalan berbagai-bagai jenis kertas dan peluang-peluang yang luas terbuka di dalam sektor kecil ini, terutamanya daripada segi pusing-guna (recycling).

4. Dalam hal ini empat faktor asas mempengaruhi penggunaan kertas negara iaitu urbanisasi; peningkatan kadar pembacaan; kenaikan kadar pendapatan dan pertumbuhan jumlah penduduk. Penambahan penggunaan kertas oleh negara bererti pertumbuhan kertas buangan dan ini bermakna wujudnya peluang-peluang untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi berasaskan pusing-guna.

5. Negara kita pada masa ini terpaksa mengimport segala keperluan kertas dan barang-barang yang diperbuat daripada kertas kerana kita tidak mempunyai industri berasaskan kertas yang bersepadu. Nilai import Malaysia bagi barangan tersebut telah meningkat daripada \$516 juta ringgit pada tahun 1983 kepada \$1,586 juta ringgit pada tahun 1991 iaitu 300 peratus dalam jangkamasa hanya lapan tahun.

6. Sebahagian besar import tersebut adalah kertas-kertas cetak dan tulis (printing and writing paper) yang bernilai \$371 juta ringgit pada tahun lepas, dan kertas akhbar (newsprint) yang bernilai \$316 juta ringgit pada jangkamasa yang sama. Untuk pembuatan input bagi kotak pembungkusan

seperti 'corrugating medium, 'linearboard' dan 'kraft liner', nilai importnya berjumlah \$247 juta ringgit.

7. Dengan tertubuhnya kilang ini, ianya akan dapat mencapai tiga matlamat penting, iaitu memenuhi keperluan negara bagi kertas perindustrian bergred sebanyak 220,000 tan setahun, berasaskan keupayaan pengeluarannya sebanyak 250,000 tan; menjimatkan pengaliran keluar pertukaran asing sebanyak \$165 juta ringgit setahun, dan memusing-gunakan lebih daripada 300,000 tan pelbagai jenis kertas buangan.

8. Selaras dengan komitmen Malaysia terhadap isu-isu berkaitan dengan alam sekitar, ciri pusing-guna projek ini adalah tepat pada masanya. Ini akan secara tidak langsung mengurangkan keperluan kawasan pelupusan dan pembuangan sampah serta menjimatkan kos pelupusan sampah yang dianggarkan sebanyak \$6 juta ringgit setahun. Tahniah diucapkan kepada syarikat Genting Sanyen di atas inisiatifnya mempelopori konsep pusing-guna secara komersil.

9. Sungguhpun demikian, pengeluar-pengeluar tempatan dijangka hanya dapat memenuhi di antara 35 dan 40 peratus permintaan tempatan bagi semua jenis kertas, berpandukan kepada angka 300,000 tan yang diimport setahun. Jika diambilkira rancangan-rancangan pembesaran syarikat yang sedia ada, menjelang tahun 1993, pembekalan tempatan akan meningkat kepada 45 peratus hingga 50 peratus dan seterusnya menjangkau 70 peratus pada tahun 1995.

10. Penggunaan kertas 'per capita' negara kita dianggarkan sebanyak 28 kilogram berbanding dengan purata dunia sebanyak 38 kilogram. Bagi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun, angkanya adalah dalam lingkungan 100 hingga 150 kilogram bagi setiap penduduk. Berdasarkan kepada hakikat ini jelas sekali industri ini mempunyai potensi yang amat cerah untuk berkembang di Malaysia.

11. Walau bagaimanapun, faktor kurang bekalan kertas buangan dalam jangkamasa lima tahun akan datang mungkin membantut kemajuan industri kertas yang akan mengakibatkan negara terpaksa bergantung kepada kertas buangan yang diimport. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pengusaha-pengusaha tempatan, khususnya yang berkecimpung dalam sektor kertas, supaya meningkatkan kecekapan dalam proses pemungutan kertas buangan (waste-paper collection) dan pusing-guna.

12. Ini adalah kerana kini terdapat sebanyak 250 syarikat pemungut kertas buangan, yang mana lebih kurang 40 syarikat memungut lebih 100 tan sebulan. Saya rasa jumlah syarikat ini dapat dikurangkan melalui proses 'consolidation' demi mempertingkatkan kecekapan industri pungutan.

13. Sehubungan dengan itu, kadar 'recovery' bagi kertas buangan dapat juga diperbaiki daripada angka 39 peratus yang dicapai buat masa kini. Adalah dianggarkan daripada jumlah 193,000 tan kertas buangan negara setahun, sebanyak 148,000

tan ataupun 78 peratus dapat dipungut. Ini bererti pencapaian sekarang hanya sebanyak 50 peratus daripada keupayaan sebenarnya dan pencapaian ini kurang memuaskan.

14. Justeru itu, saya berharap dengan pelaksanaan projek ini, pengusaha-pengusaha tempatan dapat menyusun usaha integrasi mereka dan memperbaiki keadaan dalam sektor pungutan dan pemerosesan kertas buangan. Amatlah merugikan jika sesuatu yang bernilai seperti kertas dibuangkan begitu sahaja. Namun untuk kepentingan semua pihak, harga tidak harus dinaikkan dengan sewenang-wenangnya kerana ini akan merugikan semua pihak akhirnya.

15. Saya mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Genting di atas tekad mereka untuk mendirikan kompleks kilang kertas yang terbesar di rantau ini yang jumlah pelaburannya bagi Fasa I sahaja adalah sebanyak \$400 juta ringgit. Saya difahamkan kompleks ini akan dimajukan dalam enam fasa kesemuanya. Fasa II dijangka meliputi pembinaan kilang 'duplex board' berharga \$100 juta ringgit.

16. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Fasa I dan melancarkan Fasa II Kompleks Perindustrian dan Pengilangan Kertas Langat ini.